

SOALAN NO: 133

**PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **Bertulis**

DARIPADA : **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]**

SOALAN : **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

(a) apakah Kementerian akan menimbangkan cadangan beberapa pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) seperti JCI Malaysia untuk mengharamkan hidangan sup sirip ikan yu; dan

(b) apakah pihak Kementerian akan menyediakan kawasan suaka bagi yu untuk meningkatkan semula jumlah populasi ikan yu di Malaysia yang dikatakan sedang menjunam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah menjalankan kempen ‘Tak Nak Sirip Ikan Yu’ bermula pada tahun 2014. Kempen ‘Tak Nak Sirip Ikan Yu’ merupakan komitmen Jabatan Perikanan Malaysia dalam usaha untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan

pengurusan dan pemuliharaan sumber ikan yu secara mapan kepada pihak yang berkepentingan.

Usaha tersebut telah mendapat sokongan padu daripada Kerajaan Malaysia yang telah memutuskan untuk mengharamkan sajian sup sirip ikan yu di dalam jamuan rasmi Kerajaan pada 21 Mei 2014. Pengharaman ini akan dilaksanakan bagi semua jamuan rasmi Kerajaan sebelum diperluaskan ke sektor korporat dan masyarakat umum melalui kempen kesedaran awam khususnya kepada nelayan, pertubuhan bukan kerajaan, pemilik hotel serta restoran.

- b) Di Malaysia, ikan yu bukanlah spesies sasaran utama dalam aktiviti menangkap ikan sebaliknya ia ditangkap bersama (*by-catch*) dengan spesies-spesies ikan komersial yang lain secara tidak sengaja dengan menggunakan pukat tunda, rawai, pukat hanyut dan juga pancing.

Bagi mengawal perkara tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah memasukkan '**larangan aktiviti penyiripan ikan yu iaitu pemotongan atau pemilikan sirip ikan yu di atas vesel penangkapan ikan tempatan dan badan ikan yu dibuang ke laut**' sebagai syarat tambahan lesen dan peralatan menangkap ikan kepada nelayan berkuatkuasa pada 25 Februari 2014.

Penubuhan santuari ikan yu di perairan Negeri Sabah adalah merupakan salah satu aktiviti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Ikan Yu (*NPOA Shark - Plan 2*). Cadangan ini akan dilaksanakan setelah kajian untuk mengenalpasti kawasan santuari ikan yu selesai dijalankan dalam RMK11.

Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga bersedia berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah berkenaan cadangan pewartaan lebih banyak kawasan larangan menangkap ikan dengan mengambil kira kepentingan nelayan dan industri pelancongan.